

Rakyat diajak sahut seruan PM

ALUR SETAR, Jumaat — Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, hari ini mengajak seluruh rakyat Malaysia menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya sama-sama mengembelikan tenaga membina sebuah negara yang maju dan berjaya.

Setiap rakyat patut berusaha menjadikan Malaysia dihormati serta disegani oleh masyarakat antarabangsa, katanya ketika merasmikan mesyuarat agung Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Kubang Pasu, di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, kira-kira 20 km dari sini.

Tengku Razaleigh mensifatkan Datuk Seri Dr Mahathir sebagai "bapak pemimpin rakyat Malaysia kerana usaha-usahanya yang berani untuk membawa perubahan besar kepada masyarakat dan negara".

Perdana Menteri, katanya, mahukan rakyat negara ini mengubah sikap menjadi anggota masyarakat

yang lebih berusaha dan rajin serta berdisiplin dalam usaha membina sebuah negara yang maju dan berjaya.

Beliau sendiri mengkagumi idea dan pandangan Datuk Seri Dr Mahathir yang ingin melihat rakyat dan negara ini mencapai tahap kejayaan negara-negara maju khususnya Jepun.

Tengku Razaleigh berkata, rakyat Malaysia hendaklah beringat supaya kehidupan mereka tidak dikongkong atau dijajah oleh kuasa-kuasa luar.

"Kita kini sudah merdeka dan patutlah berusaha mempertahankan maruah dan kedaulatan negara kita", tambahnya.

Beliau berkata, rakyat perlu insaf dan sedar terhadap tanggungjawab mereka menjamin maruah dan kedaulatan negara supaya tidak lagi dijajah oleh bangsa-bangsa lain.